

**PENGURUSAN KOKURIKULUM DAN HUBUNGANNYA
DENGAN PENYERTAAN PELAJAR SEKOLAH
MENENGAH DI DAERAH
KOTA KINABALU**



**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2007**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN TESIS

JUDUL : _____

IJAZAH : _____

SAYA : _____ SESI PENGAJIAN : _____
(HURUF BESAR)

Mengaku membenarkan tesis *(LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

☐

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di AKTA RAHSIA RASMI 1972)

☐

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

☐

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh:

(TANDATANGAN PENULIS)

Alamat Tetap: _____

TARIKH: _____

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)_____
(NAMA PENYELIA)

TARIKH: _____

Catatan:

*Potong yang tidak berkenaan.

*Jika tesis ini SULIT dan TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

*Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Secara Penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

**PENGURUSAN KOKURIKULUM DAN HUBUNGANNYA
DENGAN PENYERTAAN PELAJAR SEKOLAH
MENENGAH DI DAERAH
KOTA KINABALU**

**MALINJAH BINTI MAHSHAR
PS05-006(K)-029**



PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2007**

PENGAKUAN PELAJAR

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali segala nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

MALINJAH BINTI MAHSHAR
PS05-006(K)-029
30 Disember 2007



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

Adalah disahkan bahawa Disertasi ini yang bertajuk " Pengurusan Kokurikulum Dan Hubungannya Dengan Penyertaan Pelajar Sekolah Menengah Di Daerah Kota Kinabalu" yang disediakan oleh Malinjah Binti Mahshar bagi memenuhi sebahagian syarat memperolehi Ijazah Sarjana Pendidikan (Pengurusan Dan Pentadbiran), Universiti Malaysia Sabah.



.....
(EN. ANUAR DIN)

Penyelia Disertasi,
Sekolah Pendidikan Pembangunan Sosial,
Universiti Malaysia Sabah.
30 Disember 2007

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, dipanjatkan syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya dan petunjuk yang tidak terhingga memberi saya keupayaan untuk menyempurnakan tugas ini dengan jayanya. Rasa syukur juga dipanjatkan kerana diberi perlindungan, kesihatan serta tenaga untuk saya menamatkan pengajian serta menyiapkan tugas disertasi ini seperti yang dirancang.

Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih diucapkan kepada penyelia yang dedikasi En. Anuar Din yang sangat komited dan bertanggungjawab mendidik saya sehinggalah Disertasi ini siap dengan sempurna. Keperhatian beliau menjadikan penambahbaikan hasil disertasi ini dapat dilakukan dengan lebih baik lagi. Hanya Allah SWT yang dapat membalas jasa dan budi baik beliau.

Sekalung penghargaan dan ucapan setinggi-tinggi terima kasih juga ditujukan khas kepada semua pensyarah Sekolah Pendidikan Dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah yang telah mencurahkan ilmu dan mendidik saya dengan penuh kesabaran dan tanggungjawab di sepanjang Kursus Sarjana Pengurusan Pendidikan ini.

Kepada pihak pengurusan pascasiswazah Universiti Malaysia Sabah, jutaan terima kasih diucapkan kerana membenarkan penyelidik membuat rujukan dari himpunan tesis dan disertasi di perpustakaan pascasiswazah. Tidak lupa, Allahyarham ayahanda dan ibunda tersayang, ahli keluarga dan rakan-rakan; kesabaran, perhatian, dorongan dan nasihat yang kalian berikan begitu tinggi nilainya. Semoga Allah SWT memberkati anda semua, dimurahkan rezeki dan membalas jasa kalian. Sekian dan terima kasih.

ABSTRAK


PENGURUSAN KOKURIKULUM DAN HUBUNGNYA DENGAN PENYERTAAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH DI DAERAH KOTA KONABALAU

Kokurikulum adalah sebahagian daripada kurikulum sekolah yang penting dalam memberi sumbangan terhadap penyuburan fizikal, mental, emosi dan social pelajar. Kejayaan pelaksanaannya di sekolah-sekolah bergantung kepada pengurusan yang sistematik, berkesan dan cemerlang daripada guru-guru dan penglibatan pelajar. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti hubungan antara pengurusan kokurikulum yang sistematik dalam kalangan guru-guru dapat menarik minat pelajar untuk menyertai kegiatan kokurikulum. Dua set soal selidik digunakan untuk mendapatkan data secara sistematik yang melibatkan 120 orang guru dan 180 orang pelajar tingkatan empat daripada enam buah sekolah yang terdapat di daerah Kota Kinabalu. Data di analisis menggunakan *program The Statistical Package For Social Science* (SPSS version 10.0). Statistik yang digunakan ialah statistik deskriptif dan inferensi. Untuk menguji hipotesis, analisis ujian t dan kolerasi Pearson digunakan. Keputusan kajian yang diperolehi, terdapatnya hubungan yang sangat memuaskan dan signifikan antara sistem pengurusan kokurikulum di sekolah dengan pengurusan kokurikulum dalam kalangan guru-guru ($r=0.837$, $p<0.05$). Namun penyertaan pelajar dalam kegiatan kokurikulum masih lagi dalam tahap yang lemah ($r=-0.042$, $p>0.05$). Ini mungkin disebabkan oleh faktor-faktor lain dan bukan disebabkan oleh pengurusan kokurikulum yang tidak baik. Berdasarkan dapatan ini dicadangkan pihak pengurusan sekolah agar dapat membuat penambahbaikan. Cadangan seterusnya diharapkan kajian seperti ini dapat dilakukan lagi untuk memantapkan pengurusan kokurikulum sekolah pada masa depan.

ABSTRACT

CO-CURRICULUM MANAGEMENT AND ITS RELATION WITH SECONDARY SCHOOL STUDENTS PARTICIPATION IN KOTA KINABALU

Co-curriculum is important as a part of school curriculum that contributors to physical, mental, emotion and social development of student. Its enforcement depends on a systematic management that efficient and excellence from the teacher and participation of student. The purpose of the analysis is to identify the relationship between systematic co-curriculum management among teachers that would attract the students to join the co-curriculum activity. Two sets of questionnaires are used to get a systematic data from 120 teachers and 180 form four students from six school around Kota Kinabalu. The data is analysed using The Statistical Package For Social Science (SPSS version 10.0). Descriptive and inference statistic are used. In order to test the hypothesis, t-test and Pearson Correlation are used. The result is satisfying and significant between co-curriculum management system at school and co-curriculum management among teachers ($r=0.837, p<0.05$). However, the participation of student in the co-curriculum activity is still poor ($r=-0.042, p>0.05$). These might be caused by other factors that not related to poor co-curriculum management. Due to this, the school management needs or should make refinement. It is further hope that such study can be done to establish school co-curriculum management in future.



UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

PENGAKUAN	i
PENGESAHAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
ISI KANDUNGAN	vi
SENARAI SINGKATAN	ix
SENARAI RAJAH	x
SENARAI JADUAL	xi

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Kepentingan Pelaksanaan Kokurikulum Di Sekolah	4
	1.2.1 Pengurusan Kokurikulum di Sekolah	
	1.2.2 Penyertaan Pelajar Dalam Kokurikulum Di Sekolah	
1.3	Kepentingan Kajian	10
1.4	Pernyataan Masalah	13
1.5	Objektif Kajian	15
1.6	Soalan Kajian	15
1.7	Hipotesis kajian	17
1.8	Tujuan Kajian	19
1.9	Batasan Kajian	19

1.10	Definisi Operisional	20
1.11	Kesimpulan	22

BAB 2 TINJAUN LITERATUR

2.1	Pengenalan	24
2.2	Definisi Konsep	25
	2.2.1 Pengurusan	
	2.2.2 Kokurikulum	
	2.2.3 Pengurusan Kokurikulum	
	2.2.4 Penyertaan Pelajar	
2.3	Teori	33
2.4	Model	36
2.5	Kajian Lepas	40
2.6	Kerangka Kajian	46
2.7	Kesimpulan	46

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	47
3.2	Reka Bentuk Kajian	47
3.3	Lokasi Kajian	48
3.4	Populasi Kajian	48
3.5	Subjek Kajian	48
3.6	Instrumen Kajian	49
3.7	Kajian Rintis	51
3.8	Prosedur Kajian	53



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

3.9	Pengumpulan Dan Penganalisaan Data	54
3.10	Kesimpulan	58

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	59
4.2	Analisis Awalan	59
4.3	Analisis Soalan Dan Hipotesis Kajian	73
4.4	Rumusan	87
4.5	Kesimpulan	88

BAB 5 RUMUSAN, PEERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	89
5.2	Rumusan Dapatan	89
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	90
5.4	Implikasi Kajian	101
5.5	Cadangan	102
5.6	Penutup	107

BIBLIOGRAFI	108
--------------------	-----

LAMPIRAN

Lampiran A	Borang Soal Selidik
Lampiran B	Surat Kelulusan Menjalankan Kajian

SENARAI SINGKATAN

IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
JPN	Jabatan Pelajaran Negeri
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
PIPP	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
PMR	Peperiksaan Menengah Rendah
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SM	Sekolah Menengah
SPM	Sijil Peperiksaan Malaysia
SPSS	<i>Statistical Package of Social Science</i>
H_0	Hipotesis nol
H_A	Hipotesis alternatif



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

Muka surat

Rajah 2.1	Proses Pengurusan (POLC) dan Elemen Asas	28
Rajah 2.2	Struktur Komponen Dalam Kokurikulum	30
Rajah 2.3	Model Proses Perancangan Strategi	38
Rajah 2.4	Kerangka kajian	46



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

Muka surat

Jadual 3.1	Magnitud Nilai Kolerasi	55
Jadual 3.2	Pemilihan Alat Statistik Yang Sesuai Berasaskan Skala Pengukuran Tuckman (1978)	56
Jadual 4.1	Bilangan Pelajar Mengikut Sekolah	59
Jadual 4.2	Bilangan Pelajar Mengikut Jantina	60
Jadual 4.3	Bilangan Pelajar Tempat Tinggal	60
Jadual 4.4	Bilangan Pelajar Mengikut Keturunan	61
Jadual 4.5	Bilangan Pelajar Mengikut Kegiatan Kokurikulum Yang Disertai	61
Jadual 4.6	Tahap Penyertaan Pelajar Dalam Kegiatan Kokurikulum (Persatuan/Kelab)	62
Jadual 4.7	Tahap Penyertaan Pelajar Dalam kegiatan Kokurikulum (Sukan /Pemainan)	63
Jadual 4.8	Tahap Penyertaan Pelajar Dalam Kegiatan Kokurikulum (Unit Beruniform)	63
Jadual 4.9	Bilangan Pelajar Mengikut Peringkat Penglibatan Dalam Unit Beruniform	64
Jadual 4.10	Bilangan Pelajar Mengikut Peringkat Penglibatan Dalam Kelab Dan Persatuan	65
Jadual 4.11	Bilangan Pelajar Mengikut Peringkat Penglibatan Dalam Sukan Dan Permainan	65
Jadual 4.12	Bilangan Guru Mengikut Sekolah	66
Jadual 4.13	Bilangan Guru Mengikut Jantina	67
Jadual 4.14	Bilangan Guru Mengikut Umur	67
Jadual 4.15	Bilangan Kelulusan Akademik Dalam Kalangan Guru	68

Jadual 4.16	Bilangan Tahun Mengajar Dalam Kalangan Guru	68
Jadual 4.17	Kegiatan Kokurikulum Yang Dikendalikan Oleh Guru	69
Jadual 4.18	Bilangan Jawatan Disandang Oleh Guru Dalam Kokurikulum	70
Jadual 4.19	Peringkat Penglibatan Guru Dalam Kokurikulum (Unit beruniform)	71
Jadual 4.20	Peringkat Penglibatan Guru Dalam Kokurikulum (kelab /Persatuan)	71
Jadual 4.21	Peringkat Penglibatan Guru Dalam Kokurikulum (Sukan/ Permainan)	72
Jadual 4.22	Perbezaan Min Pengurusan Kokurikulum Dalam Kalangan Mengikut Jantina	73
Jadual 4.23	Ujian t Bagi Pengurusan Kokurikulum Mengikut Jantina	73
Jadual 4.24	Perbezaan Min Sistem Pengurusan Kokurikulum Di Sekolah Dalam Aspek Perancangan Dengan Pengurusan Dalam Kalangan Guru	74
Jadual 4.25	Analisis Kolerasi Pearson Hubungab Antara Sistem Pengurusan Kokurikulum Di Sekolah Dalam Aspek Perancangan Dengan Pengurusan Kokurikulum Dalam Kalangan Guru	75
Jadual 4.26	Perbezaan Min Sistem Pengurusan Kokurikulum Di Sekolah Dalam Aspek Pengelolaan dan Pelaksanaan Dengan Pengurusan Dalam Kalangan Guru	76
Jadual 4.27	Analisis Kolerasi Pearson Hubungan Antara Sistem Pengurusan Kokurikulum Di Sekolah Dalam Aspek Pengelolaan Dan Pelaksanaan Dengan Pengurusan Kokurikulum Dalam Kalangan Guru	76
Jadual 4.28	Perbezaan Min Sistem Pengurusan Kokurikulum Di Sekolah Dalam Aspek Kepimpinan Dengan Pengurusan Dalam Kalangan Guru	77
Jadual 4.29	Analisis Kolerasi Pearson Hubungan Antara Sistem Pengurusan Kokurikulum Di Sekolah Dalam Aspek Kepimpinan Dengan Pengurusan Kokurikulum Dalam Kalangan Guru	78

Jadual 4.30	Perbezaan Min Sistem Pengurusan Kokurikulum Di Sekolah Dalam Aspek Pengawalan Dan Penilaian Dengan Pengurusan Dalam Kalangan Guru	79
Jadual 4.31	Analisis Kolerasi Pearson Hubungan Antara Sistem Pengurusan Kokurikulum Di Sekolah Dalam Aspek Pengawalan Dan Penilaian Dengan Pengurusan Kokurikulum Dalam Kalangan Guru	79
Jadual 4.32	Perbezaan Min Sistem Pengurusan Kokurikulum Di Sekolah Dengan Pengurusan Kokurikulum Dalam Kalangan Guru	80
Jadual 4.33	Analisis Kolerasi Pearson Hubungan Antara Sistem Pengurusan Kokurikulum Di Sekolah Dengan Pengurusan Kokurikulum Dalam Kalangan Guru	80
Jadual 4.34	Perbezaan Min Pengurusan Kokurikulum Yang Baik Dengan Penyertaan Pelajar Dalam Kegiatan Kokurikulum	81
Jadual 4.35	Analisis Kolerasi Pearson Hubungan Antara Pengurusan Kokurikulum Yang Baik Dengan Penyertaan Pelajar Dalam Kegiatan Kokurikulum	82
Jadual 4.36	Perbezaan Min Persepsi Penyertaan Pelajar dalam kegiatan Kokurikulum Yang Disertai Dengan Pengurusan Kokurikulum Dalam Kalangan Guru	83
Jadual 4.37	Analisis Kolerasi Pearson Hubungan Antara Persepsi Penyertaan Pelajar Terhadap Kegiatan Kokurikulum Di Sertai Dengan Pengurusan Kokurikulum Dalam Kalangan Guru	83
Jadual 4.38	Perbezaan Min Pengurusan Kokurikulum Dalam Kalangan Guru Dengan Persepsi Guru Terhadap Penyertaan Pelajar Dalam Kegiatan Kokurikulum	84
Jadual 4.39	Analisis Kolerasi Pearson Antara Hubungan Pengurusan Kokurikulum Dalam Kalangan Guru Dengan Persepsi Guru Terhadap Penyertaan Pelajar Dalam Kegiatan Kokurikulum	85
Jadual 4.40	Perbezaan Min Pengurusan Kokurikulum Dalam Kalangan Guru Dengan Kepuasan Kerja Dalam Mengendalikan Pengurusan Kokurikulum	86

Jadual 4.41	Analisis Kolerasi Pearson Antara Hubungan Pengurusan Kokurikulum Dalam Kalangan Guru Dengan Kepuasan Kerja Dalam Mengendalikan Pengurusan Kokurikulum	86
Jadual 4.42	Pengujian Hipotesis Menggunakan Ujian t	87
Jadual 4.43	Pengujian Hipotesis Menggunakan Kolerasi Pearson	88



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Negara Malaysia sudah menetapkan untuk mencapai matlamat Wawasan 2020 iaitu menjadi negara maju berdasarkan acuan sendiri menjelang tahun berkenaan. Menyedari akan hasrat itu, kerajaan memperkenalkan Misi Nasional menerusi Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) di mana dalam enam teras strategik Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010, salah satunya menekankan tentang pembangunan modal insan dengan meletakkan peranan guru dalam menjana modal insan yang berkualiti agar mempunyai minda kelas pertama iaitu yang bersifat *holistic*, berilmu pengetahuan, mempunyai kemahiran, modal intelektual termasuk ilmu saing, teknologi dan keusahawanan, bersikap progresif serta mempunyai nilai etika dan moral yang tinggi.

Sehubungan itu, dalam usaha membangunkan modal insan yang berkualiti ini dan seterusnya meningkatkan keupayaan dan minat menguasai ilmu pengetahuan dan kemahiran maka selain menguasai akademik yang baik, pemantapan program kokurikulum juga di utamakan dalam PIPP. Ini kerana kokurikulum juga membantu pendidikan holistik dari segi peningkatan perkembangan kemahiran sosial pelajar dan mengukuhkan interaksi dan integrasi di kalangan mereka, melengkapkan pelajar dengan sifat kecemerlangan diri seperti kepimpinan, daya saing, jati diri, kreatif, kritis, berkeyakinan tinggi dan daya tahan, dan seterusnya meningkatkan tahap disiplin.

Oleh itu, perlaksanaan kokurikulum adalah perlu diperkukuhkan lagi walaupun sebelum ini perlaksanaannya adalah diwajibkan tetapi kurang penekanan dari pihak

sekolah. Menurut Abu Bakar Nordin (1991) dalam Sofian (2003) kokurikulum merupakan aktiviti yang dianjurkan oleh pihak sekolah dan dilakukan di luar bilik darjah. Aktiviti-aktiviti ini meliputi bidang sukan dan permainan, badan uniform dan juga aktiviti kelab serta persatuan. Aktiviti kokurikulum di sekolah bukanlah merupakan satu bidang pendidikan baru malah program ini telah diperuntukkan dalam Peraturan yang dikenali sebagai kegiatan luar darjah. Adnan Kamis (1989) dalam Kursus Pengajian, Akta Pelajaran 1956 Sofian (2002) menyatakan kokurikulum dapat memberi banyak manfaat dan kepentingan kepada pelajar. Kokurikulum merupakan satu saluran yang menggalakkan perkembangan bakat dan sifat kreativiti pelajar.

Walaupun bagaimanapun, kemantapan pelaksanaan kokurikulum di sekolah adalah bergantung kepada pengurusan pihak sekolah khasnya guru yang melaksanakannya. Pengurusan yang baik dilakukan akan dapat mencapai apa yang dihasratkan oleh semua pihak sama ada kerajaan, ibubapa dan pelajar. Lebih-lebih lagi sekarang ini, Kementerian Pelajaran telah memperkenalkan borang penilaian yang standard bagi meminimumkan ketidakseragaman pemberian markah kokurikulum kepada pelajar. Menurut Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran Malaysia, Komala Devi, pihak sekolah juga telah diarah memaklumkan kepada pelajar tentang pencapaian kokurikulum melalui Sijil Pelajaran Kokurikulum. Beliau juga memaklumkan mulai sesi kemasukkan ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) sesi 2007/2008, markah prestasi kokurikulum pelajar yang sedia ada telah disesuaikan dengan konsep dan format baru iaitu sekurang-kurangnya rekod dua tahun prestasi pelajar dijadikan sebagai asas pengiraan markah 10 peratus kokurikulum.

Justeru itu, penglibatan dan penyertaan pelajar dalam kokurikulum telah diberi penekanan semula agar dapat memenuhi syarat untuk kemasukkan ke IPTA. Ini semua

adalah bergantung kepada kemantapan pengurusan, pengelolaan, dan penyeliaan kokurikulum di sekolah.

Menurut Adnan Kamis (1990) dalam Sofian (2002) kokurikulum telah diterima dan diakui mempunyai sumbangan terhadap pendidikan murid tetapi kita kurang mengerti akan konsepnya dan masih lagi menganggapnya seperti kegiatan luar. Oleh itu, tidaklah menghairankan jika program ini dilaksanakan secara sambil lewa sahaja dan aktiviti-aktiviti dijalankan secara *ad hoc* dan tidak diberi keutamaan seperti mata pelajaran akademik.

Begitu juga dengan penglibatan dan penyertaan pelajar, walaupun kokurikulum diwajibkan, masih ada sekolah dan pelajar yang tidak memberi keutamaan dan perhatian serius kepada program tersebut. Ini secara tidak langsung nilai murni, kepimpinan, disiplin dan perpaduan tidak dapat diterapkan secara berkesan. Di samping itu, sikap segelintir ibu bapa dan masyarakat yang lebih mementingkan pencapaian akademik mengakibatkan aktiviti kokurikulum dan sukan di sekolah tidak berjalan lancar. Sedangkan menurut Wee Eng Hoe (1994), penyertaan pelajar sebagai generasi muda dan rakyat di negara ini dalam pasukan seragam, persatuan dan sukan dapat menyemai perasaan muhibbah, perpaduan dan intergrasi nasional. Keadaan ini juga diperakui oleh Jawatankuasa Pelaksanaan Mengkaji Dasar Pelajaran 1979 yang menjelaskan kegiatan kokurikulum dapat menyemai, memupuk dan menanam perasaan kekitaan atau *esprit de corps* antara pelajar pelbagai keturunan yang mempunyai latar belakang dan cara hidup yang berlainan.

Secara tuntasnya, cabaran kementerian kepada semua pihak sekolah dan guru amnya adalah memantapkan program kokurikulum, memastikan pelaksanaannya cekap

bagi mendapat penyertaan menyeluruh supaya dapat melahirkan pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan inteleknya.

Oleh yang demikian, kajian ini adalah untuk meninjau dan melihat serta menjurus kepada keberkesanan pelaksanaan kokurikulum dari segi pengurusan, pengelolaan dan penyeliaan oleh pihak sekolah amnya dan guru khasnya, serta hubungannya dalam meningkatkan penglibatan atau penyertaan pelajar terhadap aktiviti-aktiviti kokurikulum yang diadakan disekolah.

1.2 Kepentingan Pelaksanaan Kokurikulum Di Sekolah

Sebagai sebahagian daripada Kurikulum Kebangsaan, maka pelaksanaan kokurikulum di sekolah adalah diwajibkan. Kegagalan atau keengganan melaksanakan kegiatan kokurikulum di sekolah adalah satu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda, (*Seksyen 18, Akta Pendidikan 1996 (Akta 5501)*), iaitu kegagalan atau keengganan melaksanakan kegiatan kokurikulum di sekolah adalah suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya {*Rujuk subseksyen 135(1) Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)*} dan jika sabit kesalahan itu dilakukan secara berterusan, maka apabila disabitkan sedemikian, seseorang itu dikenakan hukuman denda harian yang tidak melebihi lima ratus ringgit sebagai tambahan kepada apa-apa penalti lain yang boleh dikenakan kepadanya dibawah Akta ini berkenaan dengan kesalahan itu, bagi setiap hari kesalahan itu terus dilakukan. {*Rujuk Subseksyen 135(2) Akta 550*} dalam Ramlan Abdul Wahab (2004).

Matlamat gerak kerja kokurikulum ialah penyertaan oleh setiap orang pelajar yang belajar di sekolah kerajaan atau bantuan kerajaan. Setiap pelajar hendaklah

mengambil bahagian sekurang-kurangnya dalam salah satu gerak kerja pakaian seragam, satu kegiatan persatuan atau kelab dan satu kegiatan sukan dan permainan. Pernyataan semua guru adalah dikehendaki bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan gerak kerja kokurikulum disekolah. Pelaksanaan kegiatan kokurikulum di sekolah hendaklah berasaskan prinsip penyertaan beramai-ramai tanpa adanya unsur-unsur diskriminasi atau paksaan dan yang bercanggah dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan dan Perlembagaan Negara (Ramlan Abd Wahab 2004).


Manakala kepentingan aktiviti kokurikulum ini telah disebutkan dalam Laporan Jawatakuasa Kabinet (1994) dalam Sofian (2003) yang menyatakan bahawa setiap murid digalakkan dan diberi peluang mengambil bahagian yang aktif dalam aktiviti kokurikulum. Selain itu, pada tahun 1984, Menteri Pelajaran telah menegaskan bahawa Kementerian Pelajaran akan berusaha untuk meningkatkan mutu pendidikan dan murid-murid diwajibkan melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum ini. Dengan adanya penegasan daripada pihak kementerian ini, akhirnya satu seminar kebangsaan mengenai kokurikulum telah diadakan pada tahun 1985 yang akhirnya membawa kepada pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan juga Kurikulum Sekolah Menengah (KBSM).

Tujuan aktiviti kokurikulum ini pada asasnya ialah untuk memberi pengalaman kepada pelajar-pelajar dan seterusnya membantu mereka dalam mencapai kehidupan yang sempurna. Pengalaman ini pada lazimnya terjurus kepada aspek kognitif, afektif, sosial dan psikomotor yang seterusnya menepati salah satu daripada falsafah program kokurikulum. Penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum memberikan kesempatan kepada pelajar untuk mengalami pengalaman bersukan dan berpersatuan yang akan menolong mereka menikmati kehidupan yang bermakna. Aktiviti kokurikulum juga

dianggap penting sebagai satu alat untuk memenuhi hasrat unggul dasar pendidikan kebangsaan iaitu perpaduan dalam kalangan murid-murid yang terdiri daripada berbilang kaum. Seperti yang terdapat dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan;

"Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan kearah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan keutuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmoniaan dan kemakmuran masyarakat dan negara"

(Majalah Pendidik, Mei 2007 : 11)



Selain itu, ianya juga dapat memupuk perasaan kekitaan antara pelajar dan juga memupuk nilai-nilai murni serta norma-norma masyarakat yang dikehendaki. Di samping itu, aktiviti kokurikulum juga dapat dilihat sebagai pengalaman perantaraan antara alam persekolahan dan alam luar. Maksudnya dengan penyertaan aktiviti kokurikulum seperti pakaian seragam, persatuan atau kelab dan juga sukan dan permainan, pelajar dapat membentuk diri menjadi seorang yang disiplin dan aktiviti ini juga memberi peluang kepada mereka memberikan khidmat kepada pembangunan masyarakat. Kegiatan kokurikulum juga mampu membentuk watak dan peribadi seseorang pelajar. Antara perkembangan individu yang diharapkan melalui kegiatan kokurikulum ini adalah seperti memupuk sifat kepimpinan, membina dan membentuk sahsiah yang sihat dan seterusnya membentuk generasi yang berdisiplin.

Melalui kokurikulum juga, pelajar dapat mengembangkan bakat dan kreativiti masing-masing. Ini dapat dilihat semasa menjalankan aktiviti berkumpulan seperti Pandu Puteri atau Persatuan Khidmat Masyarakat. Melalui aktiviti ini mereka dapat berinteraksi dengan kumpulan masing-masing untuk mencapai semangat berpasukan (Abu Bakar Nordin, 1991).

1.2.1 Pengurusan Kokurikulum Di Sekolah

Kokurikulum merupakan satu saluran pembelajaran yang berasaskan gerak kerja yang terancang. Gerak kerja ini merupakan lanjutan daripada proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Menurut Ramlan Abd. Wahab (2004), untuk memastikan pelaksanaan kokurikulum di sekolah memberi impak yang positif atau sumbangan yang konstruktif kepada pembangunan intelektual dan kemanusiaan murid-murid dan pelajar-pelajar, maka pelaksanaan dan pengurusan kokurikulum itu perlu dilaksanakan secara terancang, sistematik, telus dan mematuhi panduan dan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan atau diluluskan oleh agensi-agensi yang berkuasa keatasnya, khususnya Kementerian Pelajaran Malaysia

Bagi memastikan sesuatu program kokurikulum tersebut berjalan dengan baik, yang berperanan penting ialah pihak pentadbir sekolah mesti memberi penekanan terhadap konsep pengurusan yang benar. Antara empat aktiviti pengurusan utama yang ditekankan dalam amalan pentadbiran kokurikulum di sekolah adalah perancangan, pengelolaan dan penyeliaan programnya di sekolah, arahan dan pelaporan dalam pengurusan. Bagi menentukan agar proses pengurusan kokurikulum sekolah agar dilaksanakan secara berkesan dan sempurna, peranan setiap aktiviti perlu dilakukan berasaskan kepada perkara-perkara seperti yang pertama adalah perancangan.